

Bacaan IPU sangat tidak sihat setakat pukul 6 petang semalam

Malaysia kelima tertinggi dunia

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN dan NUR HUDDA MUSA

KUALA LUMPUR – Malaysia menduduki kelompok lima teratas di dunia dalam senarai negara-negara yang mengalami pencemaran udara apabila mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 266, demikian menurut laman web *World Air Quality Index (WAQI)* petang semalam.

Bacaan IPU sangat tidak sihat yang direkodkan pada pukul 6 petang semalam itu berlaku susulan jerebu yang melanda negara sejak beberapa minggu lalu.

Berdasarkan cerapan IPU oleh WAQI pada waktu sama, China mengungguli senarai teratas dengan bacaan IPU 399 diikuti Perancis (340), Iran (298) manakala Indonesia berada di tangga keempat (290).

Negara jiran seperti Thailand berada di tangga ketujuh dan Singapura ke-35 dengan masing-masing merekodkan bacaan IPU 182 serta 93.

Malaysia sebelum itu menarik perhatian ramai apabila menduduki tangga teratas dalam senarai negara dengan pencemaran udara tertinggi di dunia apabila mencatatkan bacaan IPU 266 pada pukul 6.20



ANGGOTA bomba bertungkus-lumus memadam sisa-sisa kebakaran di kawasan hutan di Kampung STC, Sri Aman, Sarawak semalam.



PEMANDANGAN di ibu kota Kuala Lumpur yang teruk dilanda jerebu semalam.

pagi kelmarin diikuti Afrika Selatan (217), Indonesia (207), India (194) dan Bahrain (177) manakala China (173).

Indeks kualiti udara yang dipaparkan menerusi laman web itu dikatakan menggunakan formula pengukuran zarah (PM2.5 dan PM10), ozon (O3), nitrogen dioksida (NO2), sulfur dioksida (SO2) dan pelepasan karbon monoksida (CO).

Skala yang digunakan untuk mengindeks pencemaran dalam peta laman web berkenaan adalah berdasarkan agensi perlindungan alam sekitar, Amerika Syarikat dan menggunakan formula laporan segera.

Bagaimanapun, bacaan IPU mengikut negeri di negara ini menerusi laman web Sistem

Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) bagi tempoh sama semalam menunjukkan enam kawasan di Sarawak masih mencatat bacaan IPU sangat tidak sihat.

Berdasarkan bacaan yang dipaparkan, kawasan di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibu, dan Mukah, Sarawak merekodkan bacaan IPU melebihi 200.

Menurut data tersebut, kualiti udara di Mukah mula menunjukkan kadar IPU sangat tidak sihat sejak pukul 9 pagi semalam, manakala lima lagi kawasan itu mencatat IPU sangat tidak sihat sejak malam Rabu.

Sementara itu, sebanyak 31 kawasan menunjukkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat

iaitu di Sungai Petani (Kedah), Seberang Jaya (Pulau Pinang), Pegoh dan Ipoh (Perak), Batu Muda (Kuala Lumpur) dan Batu Pahat (Johor).

APIMS turut melaporkan sebanyak 31 kawasan mencatatkan IPU pada tahap sederhana antaranya di Kangar (Perlis), Tanjung Malim (Perak), Pengerang (Johor), Kota Bharu (Kelantan) dan SK Kuala Baram 2 (Sarawak).

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).

Bacaan IPU semasa boleh didapati di laman web apims.doe.gov.my.

INFO Bacaan IPU setakat pukul 6 petang semalam

Sangat Tidak Sihat	
● Kuching, Sarawak	(264)
● Samarahan, Sarawak	(220)
● Sri Aman, Sarawak	(210)
● Sarikei, Sarawak	(238)
● Sibu, Sarawak	(246)
● Mukah, Sarawak	(202)

Tidak sihat	
● Minden, Pulau Pinang	(122)
● Balik Pulau, Pulau Pinang	(142)
● Petaling Jaya, Selangor	(158)
● Shah Alam, Selangor	(151)
● Nilai, Negeri Sembilan	(157)
● Johan Setia, Klang	(167)
● Bandaraya Melaka, Melaka	(125)
● Pasir Gudang, Johor	(133)
● Kuala Terengganu, Terengganu	(132)
● Cheras, Kuala Lumpur	(154)
● Wilayah Persekutuan Putrajaya	(142)

Bacaan IPU	
0 hingga 50 (baik)	
51 hingga 100 (sederhana)	
101 hingga 200 (tidak sihat)	
201 hingga 300 (sangat tidak sihat)	
Lebih 300 (bahaya)	

Masjid, surau buat solat hajat

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) meminta semua masjid dan surau di negeri ini melakukan solat hajat sejurus selepas solat Jumaat hari ini bagi memohon pertolongan Allah berikutan masalah jerebu.

Pengarahnya, Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, ini termasuk dalam memohon menurunkan hujan bagi menghindarkan masalah jerebu daripada berterusan melanda negara dan Selangor.

"Kami juga mengesyorkan agar pelaksanaan solat hajat ini dapat diteruskan di semua masjid dan surau pada waktu yang bersesuaian sehingga keadaan jerebu pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



SEORANG anggota bomba mengangkat bangkai seekor ular sawa yang dianggarkan sepanjang 3 meter yang ditemui ketika operasi memadam api di kawasan tanah gambut seluas kira-kira 0.5 hektar di Kampung Matang Merbau, Trong dekat Taiping, Perak semalam.

